Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir berhubung tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember, 2001 sebanyak 5% ke atas 61,600,000 saham-saham biasa selepas cukai 28% yang berjumlah RM2,217,600 (3.6 sen sesaham) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak menggambarkan cadangan dividen ini. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambikira di dalam ekuiti para pemegang saham sebagai pengagihan keuntungan tertahan dalam tahun kewangan berikutnya yang berakhir pada 31 Disember, 2002.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di penyata perubahan dalam ekuiti dan Nota 18 kepada penyata kewangan.

HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa kesemua hutang yang diketahui lapuk telah dihapuskirakan dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapuskirakan bagi hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak memadai secara besaran.

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa yang mungkin tidak dapat dijual dalam perjalanan perniagaan biasa termasuk nilai-nilai yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menjadikan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang wujud bagi penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUARJANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang tindihmilik ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang akan berkuatkuasa atau berkemungkinan sebegitu dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat para pengarah, akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan Kumpulan atau Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diperkatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

BUTIRAN YANG BERSIFAT GANJIL

Para pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi secara besaran oleh sebarang butiran, urusaniaga atau kejadian yang bersifat penting dan ganjil.

Di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang butiran, urusaniaga atau kejadian yang bersifat penting dan ganjil yang, pada pendapat para pengarah, akan memberi kesan penting ke atas hasil kendalian Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PERISTIWA - PERISTIWA PENTING

Peristiwa-peristiwa penting di sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 30 kepada penyata kewangan.

PERISTIWA - PERISTIWA SUSULAN

Peristiwa-peristiwa susulan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 31 kepada penyata kewangan.

SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA

Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) bagi Far East Holdings Berhad adalah diikat oleh undang-undang kecil yang telah diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 29 Disember, 2001.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:

- (a) Mereka yang layak adalah kakitangan Kumpulan (tidak termasuk pengarah eksekutif) yang telah disahkan perjawatan pekerjaan oleh Kumpulan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun daripada tarikh penawaran. Kelayakan untuk mengambil bahagian dalam ESOS tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Opsyen yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (b) Jumlah saham-saham yang akan ditawarkan dalam agregat tidak melebihi 10% daripada modal saham yang diterbitkan oleh Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESOS, di mana akan berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun daripada tarikh penerimaan kelulusan yang terakhir.
- (c) Harga opsyen bagi setiap saham adalah purata harga pasaran saham Syarikat yang ditunjuk dalam senarai rasmi harian yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur untuk lima hari urusaniaga sebelum tarikh penawaran tersebut dibuat atau pada nilai tara saham Syarikat pada RM1, yang mana lebih tinggi.
- (d) Tawaran tidak akan dibuat untuk kurang daripada 1,000 saham atau melebihi peruntukan maksimum saham yang diperuntukkan kepada kakitangan yang layak, dengan syarat bilangannya adalah dalam gandaan 1,000 saham.
- (e) Opsyen yang ditawarkan di bawah skim ESOS haruslah berkeupayaan untuk dilaksanakan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat sebelum tarikh luput lima tahun dari tarikh penawaran atau tempoh yang lebih singkat seperti yang dinyatakan dalam penawaran.
- (f) Mereka yang telah diberi opsyen tidak berhak untuk menyertai sebarang opsyen terbitan saham dalam syarikat yang lain.

Pada tarikh lembaran imbangan ini, ESOS masih belum dilaksanakan.

MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah menambah modal saham diterbitkan dan dibayarnya daripada RM56,000,000 kepada RM61,600,000 melalui terbitan bonus sebanyak 5,600,000 saham-saham biasa baru RM1 setiap satu kepada pemegang-pemegang saham Syarikat berasaskan satu saham baru untuk sepuluh saham sediaada.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang terakhir ialah:

YH Dato' Mohd. Ghazali bin Mohd. Khalid
 Encik Lias bin Mohd Noor (dilantik pada 14 Januari, 2002)
 YH Dato' Hamdan bin Jaafar (meletak jawatan pada 1 Januari, 2002)
 YBhg Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba
 YH Dato' Ghazali bin Dato' Mohd. Ali
 YH Dato' Abdul Rahim bin Haji Mohamad
 Encik John Chia Sin Tet

Menurut Tataurusan Syarikat, YBhg Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba, Encik John Chia Sin Tet dan Encik Lias bin Mohd Noor bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

MANFAAT PARA PENGARAH

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat atau subsidiarinya tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, selain daripada opsyen saham yang diberikan selaras dengan ESOS.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam ganjaran diterima atau akan diterima dan patut diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di Nota 22 kepada penyata kewangan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham-saham Syarikat dan syarikat-syarikat perbadanan berkaitan di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1 setiap satu			31 Dis, 2001
	1 Jan, 2001	Terbitan Bonus	Jual	
FAR EAST HOLDINGS BERHAD				
YH Dato' Mohd. Ghazali bin Mohd. Khalid	3,000	300	-	3,300
Mr. John Chia Sin Tet	10,000	1,000	-	11,000

Tidak ada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham-saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitan di sepanjang tahun kewangan.


JURUAUDIT

Hanafiah Raslan & Mohamad bersara dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah



DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD.KHALID



LIAS BIN MOHD NOOR


Bertarikh: 26 April 2002

Kami, DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. KHALID dan LIAS BIN MOHD NOOR, dua daripada para pengarah FAR EAST HOLDINGS BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 42 hingga 65 memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, 2001 dan hasil mereka serta aliran tunai mereka bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan telah disediakan dengan wajarnya menurut kehendak Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah



DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. KHALID



LIAS BIN MOHD NOOR

Bertarikh: 26 April 2002

AKUAN BERKANUN

Saya, ASMIN BINTI YAHYA, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan FAR EAST HOLDINGS BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 42 hingga 65, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya)
oleh ASMIN BINTI YAHYA yang tersebut di atas)
di Kuantan dalam negeri Pahang Darul Makmur)
pada 26 April 2002)


ASMIN BINTI YAHYA

Di hadapan saya:

Pesuruhjaya Sumpah



Kepada Pemegang-pemegang Saham
FAR EAST HOLDINGS BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 42 hingga 65. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami melaksanakan audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah mengenai samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara. Sesuatu audit juga merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
 - (i) keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, 2001 dan hasil mereka serta aliran tunai mereka bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 dalam Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya di mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta.

Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi subsidiari di mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti yang dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan, di mana penyata kewangan tersebut telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan subsidiari-subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran di bawah seksyen kecil (3) Seksyen 174 dalam Akta tersebut.

Hanafi-Raslan & Mohamad.

HANAFIAH RASLAN & MOHAMAD
No. AF 0002
Akauntan Bertauliah



DUAR TUAN KIAT
No. 1894/03/04 (J/PH)
Rakankongsi Firma

Bertarikh: 26 April 2002

- 31 DISEMBER, 2001

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2001	2000	2001	2000
		RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	3	295,036,991	313,139,925	59,687,963	59,249,720
Subsidiari-subsidiari	4	1,129,075	-	27,899,348	33,149,354
Syarikat-syarikat bersekutu	5	34,342,932	31,908,082	8,500,000	8,500,000
Lain-lain pelaburan	6	1,170,000	1,170,000	1,170,000	1,170,000
Stok pembiak	7	939,306	469,422	160,934	82,339
Muhibah atas penyatuan	8	-	107,552	-	-
		332,618,304	346,794,981	97,418,245	102,151,413
ASET SEMASA					
Inventori	9	1,163,895	2,343,724	899,954	904,442
Penghutang perdagangan	10	3,157,222	2,243,117	1,431,097	1,211,884
Lain-lain penghutang	11	58,883,882	47,626,556	56,632,159	44,422,557
Terhutang oleh subsidiari-subsidiari	12	1,384,914	-	6,123,148	17,748,723
Wang tunai dan baki di bank	13	4,119,295	4,676,534	2,765,733	3,726,106
		68,709,208	56,889,931	67,852,091	68,013,712
LIABILITI SEMASA					
Pinjaman jangka pendek	14	11,793,243	21,068,436	11,793,243	21,068,436
Pemiutang perdagangan		2,410,364	2,545,333	1,154,100	1,144,724
Lain-lain pemiutang	15	2,654,874	7,910,092	1,560,165	1,299,907
Terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	16	2,351,486	-	43,762,618	42,536,085
Cukai		381,361	39,000	-	-
Dividen dicadangkan		-	2,016,000	-	2,016,000
		19,591,328	33,578,861	58,270,126	68,065,152
ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH					
		49,117,880	23,311,070	9,581,965	(51,440)
		381,736,184	370,106,051	107,000,210	102,099,973
DIBIAYAI OLEH:					
Modal saham	17	61,600,000	56,000,000	61,600,000	56,000,000
Rizab		278,704,339	273,686,781	32,462,188	36,419,531
Ekuiti para pemegang saham		340,304,339	329,686,781	94,062,188	92,419,531
Kepentingan minoriti		15,538,009	17,106,465	-	-
		355,842,348	346,793,246	94,062,188	92,419,531
Rizab atas penyatuan	8	6,468	-	-	-
Peruntukan perbelanjaan penanaman semula	18	22,502,368	23,312,805	9,553,022	9,680,442
Pinjaman jangka panjang	19	3,385,000	-	3,385,000	-
		25,893,836	23,312,805	12,938,022	9,680,442
		381,736,184	370,106,051	107,000,210	102,099,973

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaran imbalan ini.

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2001

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2001	2000	2001	2000
		RM	RM	RM	RM
Pendapatan	20	41,241,647	41,625,139	8,272,698	9,956,222
Lain-lain pendapatan kendalian	21	3,460,486	1,276,964	798,853	1,326,897
Kos pekerja		(2,610,492)	(2,271,763)	(625,135)	(483,003)
Susut nilai		(2,583,200)	(3,035,685)	(452,777)	(666,600)
Perbelanjaan ladang		(9,833,313)	(12,504,509)	(1,865,934)	(2,626,061)
Perbelanjaan menuai		(9,606,564)	(7,887,024)	(2,089,024)	(2,061,722)
Perbelanjaan am ladang		(1,772,273)	(1,952,071)	-	-
Lain-lain perbelanjaan kendalian	22	(5,498,700)	(5,939,598)	(941,917)	(794,031)
Keuntungan dari kendalian		12,797,591	9,311,453	3,096,764	4,651,702
(Kos)/pendapatan kewangan, bersih	24	(1,265,757)	1,733,927	(914,476)	3,111,031
Bahagian hasil syarikat-syarikat bersekutu		3,741,388	2,571,836	-	-
Keuntungan sebelum cukai		15,273,222	13,617,216	2,182,288	7,762,733
Cukai	25	(4,768,572)	(3,823,971)	(1,921,290)	(1,155,000)
Keuntungan selepas cukai		10,504,650	9,793,245	260,998	6,607,733
Kepentingan minoriti		(999,189)	240,699	-	-
Keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada para pemegang saham		9,505,461	10,033,944	260,998	6,607,733
Pendapatan sesaham (sen)					
Asas	26	15.4	16.3		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2001

FAR EAST HOLDINGS BERHAD (14809-W)

	Tidak boleh diagih				Boleh diagih		Jumlah
	Modal saham	Premium saham	Rizab terjemahan	Rizab modal	Rizab penilaian semula	Keuntungan terkumpul	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kumpulan							
Pada 1 Januari, 2000	56,000,000	933,653	(173,724)	27,417,193	32,101,943	131,627,643	247,906,708
Perbezaan terjemahan matawang	-	-	(2,711,921)	-	-	-	(2,711,921)
Pertambahan dalam rizab penilaian semula	-	-	-	-	76,476,044	-	76,476,044
Stok pembiak dan pergerakan rizab	-	-	-	(1,994)	-	-	(1,994)
Keuntungan dan kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	(2,711,921)	(1,994)	76,476,044	-	73,762,129
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	10,033,944	10,033,944
Dividen (Nota 27)	-	-	-	-	-	(2,016,000)	(2,016,000)
Pada 31 Disember, 2000	56,000,000	933,653	(2,885,645)	27,415,199	108,577,987	139,645,587	329,686,781
Pada 1 Januari, 2001	56,000,000	933,653	(2,885,645)	27,415,199	108,577,987	139,645,587	329,686,781
Perbezaan terjemahan matawang	-	-	(582,635)	-	-	-	(582,635)
Pembalikan perbezaan terjemahan matawang	-	-	1,379,675	-	-	-	1,379,675
Pindahan kepada keuntungan terkumpul atas pelupusan subsidiari	-	-	2,088,605	-	-	(2,088,605)	-
Stok pembiak dan pergerakan rizab	-	-	-	315,057	-	-	315,057
Keuntungan dan kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	2,885,645	315,057	-	(2,088,605)	1,112,097
Terbitan bonus	5,600,000	-	-	-	-	-	5,600,000
Permodalan untuk terbitan bonus	-	-	-	-	-	(5,600,000)	(5,600,000)
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	9,505,461	9,505,461
Pada 31 Disember, 2001	61,600,000	933,653	-	27,730,256	108,577,987	141,462,443	340,304,339
Syarikat							
Pada 1 Januari, 2000	56,000,000	79,404	-	-	2,842,103	24,676,681	83,598,188
Perbezaan terjemahan matawang	-	-	(1,379,675)	-	-	-	(1,379,675)
Pertambahan dalam rizab penilaian semula	-	-	-	-	5,609,285	-	5,609,285
Keuntungan dan kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	(1,379,675)	-	5,609,285	-	4,229,610
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	6,607,733	6,607,733
Dividen (Nota 27)	-	-	-	-	-	(2,016,000)	(2,016,000)
Pada 31 Disember, 2000	56,000,000	79,404	(1,379,675)	-	8,451,388	29,268,414	92,419,531
Pada 1 Januari, 2001	56,000,000	79,404	(1,379,675)	-	8,451,388	29,268,414	92,419,531
Pembalikan perbezaan terjemahan matawang	-	-	1,379,675	-	-	-	1,379,675
Stok pembiak dan pergerakan rizab	-	-	-	1,984	-	-	1,984
Keuntungan bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	1,379,675	1,984	-	-	1,381,659
Terbitan bonus	5,600,000	-	-	-	-	-	5,600,000
Permodalan untuk terbitan bonus	-	-	-	-	-	(5,600,000)	(5,600,000)
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	260,998	260,998
Pada 31 Disember, 2001	61,600,000	79,404	-	1,984	8,451,388	23,929,412	94,062,188

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2001

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
Keuntungan sebelum cukai	15,273,222	13,617,216	2,182,288	7,762,733
Pelarasan bagi :				
Susut nilai	2,583,200	3,035,685	452,777	666,600
Hapuskira aset tidak ketara	-	148,640	-	-
Pelunasan muhibah	-	4,957	-	-
Peruntukan perbelanjaan penanaman semula	2,316,541	2,808,858	848,920	852,560
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(3,741,388)	(2,571,836)	-	-
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	9,812	306,398	40	44,827
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	(17,999)	(18,634)	-	-
Keuntungan daripada jualan stok pembiak	(76,502)	(132,576)	-	-
Keuntungan daripada pelupusan subsidiari	(2,542,224)	-	-	-
Laba daripada hapuskira pelaburan	(18,683)	-	-	-
Hapuskira hutang lapuk	426,786	181	213,135	-
Hapuskira pelaburan	-	-	6	-
Peruntukan hutang ragu	-	194,395	-	-
Perbelanjaan faedah	1,491,829	2,300,393	1,491,829	1,315,780
Pendapatan dividen	-	-	-	(290,000)
Pendapatan faedah	(184,094)	(4,048,657)	(577,353)	(4,426,811)
Stok pembiak dan pergerakan rizab	-	74,247	-	-
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	15,520,500	15,719,267	4,611,642	5,925,689
Kurangan/(tambahan) dalam penghutang	981,302	8,057,369	(11,102,323)	7,204,982
Kurangan/(tambahan) dalam inventori	287,456	(795,752)	4,488	(751,384)
Tambahan/(kurangan) dalam terhutang kepada subsidiari-subsidiari	-	-	12,832,157	(9,593,007)
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang	(2,697,201)	425,078	269,634	(1,143,589)
Tunai dihasilkan daripada kendalian	14,092,057	23,405,962	6,615,598	1,642,691
Faedah dibayar	(1,491,829)	(2,300,393)	(1,491,829)	(1,315,780)
Cukai dibayar	(3,309,780)	(10,624,001)	(2,061,291)	(3,200,869)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian	9,290,448	10,481,568	3,062,478	(2,873,958)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Pelupusan subsidiari (Nota 4)	5,156,588	-	-	-
Subsidiari tidak disatukan (Nota 4)	(7,561)	-	-	-
Hasil jualan hartanah, loji dan peralatan	53,503	24,168	-	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan perbelanjaan kos pembangunan ladang	(3,979,092)	(13,702,936)	(891,060)	(4,605,325)
Faedah dibayar atas kos pembangunan ladang	(144,075)	(243,921)	-	-
Hasil jualan stok pembiak	76,502	132,928	-	-
Pembelian stok pembiak	(154,475)	(215,267)	(76,611)	(82,339)
Perbelanjaan penanaman semula	(3,126,978)	(2,251,944)	(976,340)	(615,076)
Faedah diterima	184,094	268,611	577,353	646,765
Hasil pelupusan subsidiari	-	-	5,250,000	-
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	-	290,000	-	290,000
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan pelaburan	(1,941,494)	(15,698,361)	3,883,342	(4,365,975)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2001 (SAMBUNGAN)

FAR EAST HOLDINGS BERHAD (14809-W)

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman berjangka	7,750,000	3,000,000	7,750,000	3,000,000
Pembayaran semula pinjaman berjangka	(595,000)	(5,000,000)	(595,000)	-
Dividen dibayar	(2,016,000)	(4,032,000)	(2,016,000)	(4,032,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan pembiayaan	5,139,000	(6,032,000)	5,139,000	(1,032,000)
TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	12,487,954	(11,248,793)	12,084,820	(8,271,933)
KESAN PERUBAHAN DALAM KADAR PERTUKARAN	-	(9,762)	-	-
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	(13,391,902)	(2,133,347)	(14,342,330)	(6,070,397)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	(903,948)	(13,391,902)	(2,257,510)	(14,342,330)
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Wang tunai dan baki di bank	4,119,295	4,676,534	2,765,733	3,726,106
Overdraf bank (Nota 14)	(5,023,243)	(18,068,436)	(5,023,243)	(18,068,436)
	(903,948)	(13,391,902)	(2,257,510)	(14,342,330)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

1. KEGIATAN - KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Kegiatan-kegiatan utama Syarikat adalah sebagai pegangan pelaburan dan perladangan tanaman kelapa sawit. Kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 4. Tidak ada sebarang perubahan penting dalam jenis kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 8, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah seramai 112 (2000 : 115) dan 56 (2000 : 57) orang.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan sebaliknya ditunjuk di dalam dasar-dasar perakaunan di bawah dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

MASB 19: Kejadian Selepas Tarikh Lembaran Imbangan telah diterima pakai sebelum tarikh ianya berkuatkuasa. Penerimaan pakai piawaian tersebut pada peringkat awal tidak mengakibatkan sebarang pelarasan kepada penyata kewangan yang terdahulu.

(b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat tersebut. Syarikat-syarikat yang diambilalih atau dilupuskan diambilkira dalam penyata kewangan disatukan daripada tarikh pengambilalihan atau tarikh pelupusan. Subsidiari-subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilan.

Urus niaga, baki dan hasil laba belum direalisasikan di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urus niaga dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasikan telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

Perbezaan di antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama bahagian aset bersih Kumpulan atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbangan disatukan sebagai muhibah atau rizab atas penyatuan dan dilunaskan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh 25 tahun. Muhibah atas penyatuan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dikurangkan nilai untuk rosotnilai di mana perlu.

Laba atau kerugian atas pelupusan subsidiari adalah perbezaan di antara penerimaan pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersih berserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran yang tidak diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan disatukan.

(c) Syarikat-syarikat Bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu sebagai syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berdasarkan penyata kewangan syarikat bersekutu yang telah diaudit atau pengurusan.

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dicampur bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul selepas pengambilalihan dan rizab.

Laba belum direalisasikan dalam urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum direalisasikan telah dihapuskan melainkan kos tidak dapat dipulihkan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Perbezaan antara harga belian dan nilai saksama aset bersih yang diambilalih ditunjukkan sebagai muhibah atau rizab atas pengambilalihan dan dilunaskan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh 25 tahun. Muhibah atas pengambilalihan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dikurang nilai untuk rosotnilai di mana perlu.

(d) Pertukaran dan Terjemahan Matawang

Urusniaga dalam matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti dalam matawang asing yang bersifat kewangan pada tarikh lembaran imbangan diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Semua perbezaan pertukaran dihantar ke penyata pendapatan kecuali perbezaan yang timbul daripada item yang bersifat kewangan yang, pada zahirnya, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih di dalam subsidiari asing di mana ia akan dihantar ke rizab.

Penyata kewangan subsidiari asing yang disatukan diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan berhubung lembaran imbangan, dan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga berhubung penyata pendapatan. Laba atau rugi yang timbul daripada terjemahan kepada Ringgit Malaysia dihantar ke rizab terjemahan. Muhibah yang timbul daripada pengambilalihan subsidiari asing diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga tersebut. Semua perbezaan pertukaran akan dihantar ke penyata pendapatan pada masa pelupusan pelaburan dalam subsidiari.

Pada tahun lepas, kadar pertukaran Rupiah yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan yang digunakan adalah 100 Rupiah : RM0.0395.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai terkumpul. Penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap lima tahun oleh penilai bebas berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan dari penilaian dikreditkan kepada ekuiti sebagai lebihan penilaian semula; sebarang pengurangan akan diselaraskan dengan pertambahan dari penilaian awal bagi hartabenda yang sama dan selebihnya dikenakan kepada penyata pendapatan. Apabila aset-aset yang dinilai semula dilupuskan, jumlah dalam rizab penilaian semula yang berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan seterusnya ke keuntungan terkumpul. Tanah pegang pajak jangka panjang, kerja dalam proses, ladang matang dan belum matang tidak disusutnilai. Tanah pegang pajak jangka panjang akan disusutnilai apabila tempoh pajakannya menjangkau lima puluh tahun. Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan seperti pada kadar tahunan berikut:

Bangunan	2% - 20%
Loji dan mesin	10% - 20%
Perabut dan kelengkapan	10% - 15%
Kenderaan	20%
Lain-lain peralatan	5% - 25%

(f) Perbelanjaan Penanaman Ladang-ladang

Perbelanjaan penanaman bagi kelapa sawit belum matang dipermodalkan sebagai kos penanaman belum matang dan dinyatakan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Semua perbelanjaan penanaman berkaitan dengan ladang kelapa sawit baru, yang matang dalam setengah tahun pertama, diambilkira sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan. Perbelanjaan penanaman berkaitan dengan ladang kelapa sawit baru, yang matang dalam setengah tahun kedua, akan dipermodalkan.

(g) Peruntukan Perbelanjaan Penanaman Semula

Ini merupakan peruntukan perbelanjaan penanaman semula ladang kelapa sawit dan diperuntukkan apabila penanaman tersebut menjangkau tempoh penanaman 15 tahun. Jumlah yang diperuntukkan adalah berdasarkan anggaran perbelanjaan penanaman semula sebanyak RM5,870 sehektar dan bergantung kepada jadual penanaman semula yang dianggarkan untuk setiap ladang kelapa sawit. Jumlah peruntukan bagi perbelanjaan penanaman semula untuk tahun semasa diambilkira dalam penyata pendapatan. Sebarang perbelanjaan penanaman semula akan dikenakan dalam akaun peruntukan ini.

(h) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai pasaran bersih.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**(i) Stok Pembiak**

Stok pembiak dinilai pada nilai jualan bersih semasa. Kenaikan semulajadi akibat daripada penilaian stok pembiak pada nilai jualan bersih semasa dipindah ke rizab modal.

(j) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menurut kaedah liabiliti untuk semua perbezaan masa yang penting kecuali di mana terdapat bukti yang munasabah bahawa perbezaan masa ini tidak akan berbalik pada masa hadapan.

(k) Permodalan Faedah

Faedah atas pinjaman berkaitan dengan kos penanaman baru dipermodalkan sehingga tanaman tersebut matang.

(l) Pelaburan

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan lain-lain pelaburan tak semasa dinyatakan pada kos ditolak sebarang peruntukan rosotnilai kekal. Peruntukan tersebut dibuat apabila terdapat pengurangan selain daripada nilai pelaburan yang sementara dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam masa pengurangan tersebut berlaku. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa dikenakan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

(m) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan daripada jualan buah tandan segar diiktiraf apabila barangan tersebut dihantar. Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas akrual.

(n) Penghutang Perdagangan dan Lain-lain Penghutang

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah pengulasan ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbalan.

(o) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank dan deposit tetap, ditolak overdraf bank tidak berbayar.

- 31 DISEMBER, 2001

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang dan kebun	Bangunan	Loji dan mesin	Lain-lain aset*	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Kumpulan					
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari, 2001	302,000,487	10,955,799	2,198,386	13,256,675	328,411,347
Tambahan	3,311,515	59,453	77,546	674,653	4,123,167
Pelupusan	-	-	-	(320,003)	(320,003)
Hapuskira	-	-	(16,864)	(185,625)	(202,489)
Pindahan	(1,860)	(80,023)	865,106	(783,223)	-
Perbezaan terjemahan	(2,771,905)	(31,057)	(22,369)	(245,489)	(3,070,820)
Tidak disatukan/ pelupusan subsidiari	(15,483,741)	(163,664)	(117,880)	(1,314,507)	(17,079,792)
Pada 31 Disember, 2001	287,054,496	10,740,508	2,983,925	11,082,481	311,861,410
Mewakili:					
Pada kos	3,333,635	10,740,508	2,983,925	11,082,481	28,140,549
Pada penilaian	283,720,861	-	-	-	283,720,861
	287,054,496	10,740,508	2,983,925	11,082,481	311,861,410
Susutnilai Berkumpul					
Pada 1 Januari, 2001	-	6,096,030	1,409,010	7,766,382	15,271,422
Dikenakan bagi tahun	-	970,094	273,919	1,339,187	2,583,200
Pelupusan	-	-	-	(284,499)	(284,499)
Hapuskira	-	-	(16,852)	(175,825)	(192,677)
Pindahan	-	(32,130)	654,394	(622,264)	-
Perbezaan terjemahan	-	(2,877)	(10,331)	(64,824)	(78,032)
Tidak disatukan/ pelupusan subsidiari	-	(19,256)	(67,678)	(388,061)	(474,995)
Pada 31 Disember, 2001	-	7,011,861	2,242,462	7,570,096	16,824,419
Nilai Buku Bersih					
Pada 31 Disember, 2001					
Pada kos	3,333,635	3,728,647	741,463	3,512,385	11,316,130
Pada penilaian	283,720,861	-	-	-	283,720,861
	287,054,496	3,728,647	741,463	3,512,385	295,036,991
Pada 31 Disember, 2000					
Pada kos	18,279,626	4,859,769	789,376	5,490,293	29,419,064
Pada penilaian	283,720,861	-	-	-	283,720,861
	302,000,487	4,859,769	789,376	5,490,293	313,139,925
Susutnilai dikenakan bagi tahun 2000	-	1,015,594	231,178	1,788,913	3,035,685

- 31 DISEMBER, 2001

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang dan kebun	Bangunan	Loji dan mesin	Lain-lain aset*	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Syarikat					
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari, 2001	57,690,585	2,510,312	894,775	3,530,668	64,626,340
Tambahan	456,391	50,453	3	384,213	891,060
Hapuskira	-	-	(15,246)	(116,090)	(131,336)
Pindahan	-	83,596	94,899	(178,495)	-
Pada 31 Disember, 2001	58,146,976	2,644,361	974,431	3,620,296	65,386,064
Mewakili:					
Pada kos	4,603,139	2,644,361	974,431	3,620,296	11,842,227
Pada penilaian	53,543,837	-	-	-	53,543,837
	58,146,976	2,644,361	974,431	3,620,296	65,386,064
Susutnilai Berkumpul					
Pada 1 Januari, 2001	-	1,822,254	846,644	2,707,722	5,376,620
Dikenakan bagi tahun	-	162,579	34,812	255,386	452,777
Hapuskira	-	-	(15,237)	(116,059)	(131,296)
Pindahan	-	68,020	90,798	(158,818)	-
Pada 31 Disember, 2001	-	2,052,853	957,017	2,688,231	5,698,101
Nilai Buku Bersih					
Pada 31 Disember, 2001					
Pada kos	4,603,139	591,508	17,414	932,065	6,144,126
Pada penilaian	53,543,837	-	-	-	53,543,837
	58,146,976	591,508	17,414	932,065	59,687,963
Pada 31 Disember, 2000					
Pada kos	4,146,748	688,058	48,131	822,946	5,705,883
Pada penilaian	53,543,837	-	-	-	53,543,837
	57,690,585	688,058	48,131	822,946	59,249,720
Susutnilai dikenakan bagi tahun 2000	-	181,208	90,574	394,818	666,600

* Lain-lain aset meliputi perabot dan kelengkapan, kenderaan, lain-lain peralatan dan kerja dalam proses.

- (a) Termasuk dalam kos ladang matang dan belum matang sebuah subsidiari adalah kos pinjaman atas kemudahan 'Al-Bai Bithaman Ajil' dan faedah pinjaman berjangka sebanyak Tiada (2000 : RM83,388) dan RM144,075 (2000 : RM160,533) masing-masing yang telah dipermudahkan dalam tahun kewangan.
- (b) Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat adalah kos hartanah, loji dan peralatan yang telah disusutnilai sepenuhnya tetapi masih digunakan berjumlah RM7,379,298 (2000 : RM5,136,487) dan RM4,140,098 (2000 : RM2,655,750) masing-masing.

- 31 DISEMBER, 2001

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

- (c) Butiran lanjut mengenai penilaian profesional bebas bagi tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang kepunyaan Kumpulan pada 31 Disember, 2001 adalah seperti berikut:

Tahun Penilaian	Keterangan Hartanah	Jumlah	Asas Penilaian
		RM	
1990	Tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang	114,917,415	Nilai pasaran terbuka
1995	Tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang	148,777,742	Nilai pasaran terbuka
2000	Tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang	283,720,861	Nilai pasaran terbuka

- (d) Kos sejarah bagi tanah pegang pajak jangka panjang, ladang matang dan belum matang yang telah dinilai semula tidak dinyatakan kerana ketiadaan rekod-rekod lama.

4. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	-	-	28,199,347	33,449,353
Subsidiari yang tidak disatukan	1,129,075	-	-	-
Peruntukan rosotnilai	-	-	(299,999)	(299,999)
	1,129,075	-	27,899,348	33,149,354

- (a) Butiran subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Tempat Diperbadankan	Kepentingan Berkesan (%)		Kegiatan Utama
		2001	2000	
Dawn Oil Palm Plantations Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Perladangan kelapa sawit
B.S. Oil Palm Plantations Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Perladangan kelapa sawit
Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad	Malaysia	83	83	Perladangan kelapa sawit
*Madah Perkasa Sdn. Bhd.	Malaysia	83	83	Perladangan kelapa sawit
**PT Berkat Sawit Sejati	Indonesia	-	70	Perladangan kelapa sawit
Inai Prisma Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Penasihat perladangan
#ESDigital Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	-	100	Tidak aktif
#Teroka Bahagia Sdn. Bhd.	Malaysia	-	100	Tidak aktif
#Uniprudent Asset Sdn. Bhd.	Malaysia	-	100	Tidak aktif
***Gem Asia Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Berhenti operasi

* Subsidiari Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad.

** Diaudit oleh juruaudit yang bergabung dengan Hanafiah Raslan & Mohamad, Malaysia.

*** Diaudit oleh firma audit yang lain.

Pemotongan nama oleh Pendaftar Syarikat dalam tahun.

4. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

- (b) Dalam tahun, hasil dari kendalian dan aset bersih sebuah subsidiari, Inai Prisma Sdn. Bhd. (IPSB) tidak disatukan dengan Syarikat sebab IPSB telah diletakkan di bawah perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Malaya, Kuantan, Pahang Darul Makmur dan Kumpulan secara langsungnya kehilangan kawalan pengurusan ke atas urusan IPSB. IPSB yang terutamanya terlibat sebagai penasihat perladangan telah memberhentikan operasinya dalam tahun. Selepas ini, kos pelaburan dalam IPSB telah dinyatakan pada nilai dibawa.

Perintah penggulungan telah dibuat terhadap IPSB pada 4 Julai, 2000 oleh pemiutangnya. Tetapi, perintah penggulungan ini hanya dimaklumkan kepada IPSB pada 29 Jun, 2001 oleh firma guaman melalui carian penggulungan untuk ESOS Syarikat.

Penerima rasmi Pejabat Pemegang Harta Pahang telah dilantik sebagai likuidator. Namun begitu, IPSB telah memohon permohonan penggantungan prosiding penggulungan.

Kesan ketakpenyatuan ke atas hasil kewangan Kumpulan sehingga tarikh kehilangan kawalan pengurusan adalah seperti berikut:

	Tempoh kewangan berakhir 29.06.2001	Tahun kewangan berakhir 31.12.2000
	RM	RM
Pendapatan	407,887	926,750
Kos kendalian	(424,658)	(482,602)
(Kerugian)/keuntungan dari kendalian	(16,771)	444,148
Lain-lain pendapatan	-	8,694
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai	(16,771)	452,842
Cukai	(2,777)	(129,000)
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai	(19,548)	323,842

Kesan ketakpenyatuan Inai Prisma Sdn. Bhd. ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	29.06.2001	31.12.2000
	RM	RM
Aset bersih tidal disatukan:		
Wang tunai dan baki di bank	7,561	9,567
Lain-lain penghutang	237,237	3,908
Terhutang oleh syarikat-syarikat berkaitan	2,351,486	2,050,719
Lain-lain pemiutang	(92,861)	(429,500)
Terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	(1,384,914)	(460,820)
Cukai	-	(39,000)
Hartanah, loji dan peralatan	10,566	13,749
Aset bersih	1,129,075	1,148,623
Kos pelaburan	(200,000)	
Pindahan ke kos pelaburan	929,075	(929,075)
Tolak : Wang tunai dan baki di bank	(7,561)	
Tunai bersih daripada subsidiari tidak disatukan	(7,561)	

- 31 DISEMBER, 2001

4. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

- (c) Pada 25 Jun, 2001, Syarikat telah melupuskan kesemua kepentingan ekuiti dalam sebuah subsidiari, PT Berkat Sawit Sejati kepada pemegang saham korporatnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) pada harga balasan sebanyak RM5,250,000 seperti dinyatakan di Nota 30(b).

Kesan pelupusan ke atas hasil kewangan Kumpulan sehingga tarikh pelupusan adalah seperti berikut:

	Tempoh kewangan berakhir 25.06.2001	Tahun kewangan berakhir 31.12.2000
	RM	RM
Pendapatan	-	-
Kos kendalian	(100,059)	(199,067)
Kerugian dari kendalian	(100,059)	(199,067)
Lain-lain pendapatan	-	7,633
Kerugian sebelum cukai	(100,059)	(191,434)
Cukai	-	-
Kerugian selepas cukai	(100,059)	(191,434)

Kesan pelupusan PT Berkat Sawit Sejati ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	25.06.2001	31.12.2000
	RM	RM
Aset bersih dilupuskan		
Wang tunai dan baki di bank	93,412	34,275
Penghutang perdagangan	-	7,539
Lain-lain penghutang	38,532	39,756
Inventori	892,373	1,054,870
Hartanah, loji dan peralatan	16,594,231	18,660,752
Pemiutang perdagangan	(269,965)	(191,882)
Lain-lain pemiutang	(167,328)	(1,069,187)
Terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	(12,739,702)	(13,179,399)
Kepentingan minoriti	(1,847,797)	(2,110,292)
Muhibah atas penyatuan	114,020	114,020
Aset bersih	2,707,776	3,360,452
Keuntungan daripada pelupusan	2,542,224	
Harga jualan	5,250,000	
Tolak : Wang tunai dan baki di bank	(93,412)	
Tunai bersih daripada pelupusan subsidiari	5,156,588	

5. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	16,330,624	16,330,624	8,500,000	8,500,000
Bahagian Kumpulan dalam rizab selepas pengambilalihan	18,012,308	15,577,458	-	-
	34,342,932	31,908,082	8,500,000	8,500,000
Diwakili oleh:				
Pembahagian aset bersih	32,862,917	30,323,715		
Rizab atas pengambilalihan	1,480,015	1,584,367		
	34,342,932	31,908,082		

Syarikat-syarikat bersekutu adalah :

Nama Syarikat	Tempat Diperbadankan	Kepentingan Berkesan (%)	Tahun Kewangan Berakhir	Kegiatan Utama	
		2001	2000		
*Prosper Palm Oil Mill Sdn. Bhd.	Malaysia	#25.5	#25.5	31 Disember	Kilang sawit
*Kilang Kosfarm Sdn. Bhd.	Malaysia	29.0	29.0	31 Disember	Kilang sawit
*Business & Budget Hotel (Kuantan) Sdn. Bhd.	Malaysia	35.0	35.0	30 Jun	Perhotelan

Ekuiti adalah dipegang melalui subsidiari-subsidiari.

* Diaudit oleh firma-firma audit yang lain.

6. LAIN-LAIN PELABURAN

	Kumpulan & Syarikat	
	2001	2000
	RM	RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	1,170,000	1,170,000

7. STOK PEMBIAK

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Pada nilai jualan bersih semasa	939,306	469,422	160,934	82,339

- 31 DISEMBER, 2001

8. MUHIBAH/(RIZAB) ATAS PENYATUAN

	Kumpulan	
	2001	2000
	RM	RM
Pada 1 Januari	117,466	117,466
Pelunasan terkumpul	(9,914)	(9,914)
Pelupusan subsidiari - PT Berkat Sawit Sejati	107,552 (114,020)	107,552 -
Pada 31 Disember	(6,468)	107,552

9. INVENTORI

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Pada kos:				
Baja	114,929	220,346	59,901	11,844
Bahan kimia	28,590	34,930	11,597	15,607
Petrol dan minyak pelincir	28,896	31,268	6,504	6,117
Tapak semaian	705,362	1,725,940	705,362	751,775
Alat-alat gantian	286,118	331,240	116,590	119,099
	1,163,895	2,343,724	899,954	904,442

10. PENGHUTANG PERDAGANGAN

Termasuk dalam penghutang perdagangan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu berjumlah RM1,709,918 (2000 : RM1,393,450) dan RM1,256,553 (2000 : RM1,033,052) masing-masing.

11. LAIN-LAIN PENGHUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Lain-lain penghutang	59,167,820	47,910,494	56,721,702	44,512,100
Peruntukan hutang ragu	(283,938)	(283,938)	(89,543)	(89,543)
	58,883,882	47,626,556	56,632,159	44,422,557

11. LAIN-LAIN PENGHUTANG (SAMBUNGAN)

Termasuk dalam lain-lain penghutang Kumpulan dan Syarikat adalah:

- (a) jumlah terhutang oleh pemegang saham korporatnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Pascorp Holdings Sdn. Bhd., sebuah subsidiari milik penuh PKNP, berjumlah RM39,796,559 (2000 : RM39,879,212), terdiri daripada deposit dan faedah yang terakru menurut syarat-syarat perjanjian 'Call Option' berkaitan dengan pembelian tanah dan pegangan saham, dan hasil daripada pelupusan subsidiari, PT Berkat Sawit Sejati, disebabkan oleh pembatalan Perjanjian Novasi dan Perjanjian Novasi Tambahan dengan PKNP dan PT Berkat Sawit Sentosa.
- (b) jumlah terhutang oleh PT Berkat Sawit Sejati yang merupakan pendahuluan bagi tujuan modal kerja berjumlah RM11,652,772 (2000 : Tiada).
- (c) deposit dibayar kepada pemegang saham korporat berjumlah RM4,000,000 (2000 : RM4,000,000) berkaitan dengan pembelian tanah pertanian.
- (d) penyelesaian jumlah terhutang kepada pemegang saham korporatnya sebanyak Tiada (2000 : RM887,500).
- (e) jumlah RM1,250,565 (2000 : RM1,778,333) bagi Kumpulan dan RM525,001 (2000 : RM385,000) bagi Syarikat, yang merupakan lebihan pembayaran cukai.

12. TERHUTANG OLEH SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

Jumlah terhutang oleh subsidiari-subsidiari adalah tidak bercagar, dikenakan faedah sebanyak 9.7% (2000 : 9.7% to 10.0%) setahun dan tiada syarat pembayaran yang tetap.

13. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Tunai di tangan dan di bank	2,065,156	752,973	971,594	203,545
Deposit dengan:				
bank-bank berlesen	1,194,139	2,622,561	1,194,139	2,622,561
syarikat-syarikat kewangan berlesen	860,000	1,301,000	600,000	900,000
	4,119,295	4,676,534	2,765,733	3,726,106

14. PINJAMAN JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2001	2000	2001	2000
	RM	RM	RM	RM
Bercagar:				
Overdraf bank	5,023,243	18,068,436	5,023,243	18,068,436
Kredit berpusing	5,750,000	3,000,000	5,750,000	3,000,000
Pinjaman berjangka, hutang dalam tempoh 12 bulan (Nota 19)	1,020,000	-	1,020,000	-
	11,793,243	21,068,436	11,793,243	21,068,436

- 31 DISEMBER, 2001

14. PINJAMAN JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

Overdraft bank dan kredit pusingan adalah dicagar oleh 'negative pledge' ke atas aset Syarikat dan dikenakan faedah pada kadar 5.25% hingga 8.80% (2000 : 5.45% hingga 8.80%) setahun.

15. LAIN-LAIN PEMIUTANG

Pada tahun lepas, termasuk dalam lain-lain pemiutang bagi Kumpulan adalah pendahuluan berjumlah RM3,928,083 yang diberikan kepada sebuah subsidiari oleh pemegang sahamnya, PT Berkat Sawit Sentosa, dan dikenakan faedah pada kadar 10% setahun.

16. TERHUTANG KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN

